

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tahun Kedua Dalam Sains Farmasi

Semester II, Sidang 1986/87

Pengantar Kepada Ubat-Ubatan  
Tradisional

FEL 207.20

Tarikh: 6 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
(2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Soalan I hendaklah dijawab di atas skrip yang disediakan.

...2/-

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

Soalan I. Soalan Pilihan Berganda. Jawab semua soalan dengan menandakan (✓) ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang BETUL ATAU PALING SESUAI bagi sesuatu soalan. Hanya SATU jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

1. Daun Digitalis purpurea digunakan untuk mengubati penyakit
  - ..... (A) malaria
  - ..... (B) kegagalan jantung
  - ..... (C) jangkitan virus
  - ..... (D) demam

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

2. Dos paling rendah bagi sesuatu sebatian baru yang diasingkan dari satu jenis tumbuhan mengurangkan parasitemia ialah 1.6 mg/kg. Drug piawai kuinina memerlukan dos 32 mg/kg untuk memberikan kesan yang sama.

Nilai setara kuinina (quinine equivalent) untuk sebatian baru tersebut adalah

.... (A) 10

.... (B) 20

.... (C) 0.05

.... (D) 0.5

3. Yang mana di antara sebatian-sebatian baru berikut adalah drug antimalaria yang paling baik?

.... (A) Drug yang nilai setara kuinina keberkesanannya adalah 10 tetapi nilai setara kuinina ketoksikannya adalah 15.

.... (B) Drug yang nilai setara kuinina keberkesanannya adalah 20 tetapi nilai setara kuinina ketoksikannya adalah 10.

.... (C) Drug yang nilai setara kuinina keberkesanannya adalah 20 tetapi nilai setara kuinina ketoksikannya adalah 15.

.... (D) Drug yang nilai setara kuinina keberkesanannya adalah 15 tetapi nilai setara kuinina

ketoksikannya adalah 20

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

4. Yang mana di antara kesan terapeutik berikut dapat ditapis uji dengan ujian tingkahlaku pada mencit?

- .... (A) ketagihan
- .... (B) antidiabetik
- .... (C) antiastma
- .... (D) antihipertensi

5. Yang mana di antara berikut tidak dapat dikesan dalam 3 minggu pertama ujian ketoksikan subakut?

- .... (A) Induksi enzim
- .... (B) Penekanan enzim
- .... (C) Kesan kumulatif
- .... (D) Kesan karsinogenik

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

6. Yang mana di antara sebatian-sebatian berikut bersifat paling kumulatif?

.... (A) LD<sub>50</sub> satu hari 10 mg/kg/hari; LD<sub>50</sub> 90 hari  
20 mg/kg/hari

.... (B) LD<sub>50</sub> satu hari 20 mg/kg/hari; LD<sub>50</sub> 90 hari  
10 mg/kg/hari

.... (C) LD<sub>50</sub> satu hari 15 mg/kg/hari; LD<sub>50</sub> 90 hari  
20 mg/kg/hari

.... (D) LD<sub>50</sub> satu hari 20 mg/kg/hari; LD<sub>50</sub> 90 hari  
15 mg/kg/hari

7. Penuaian bunga sebaiknya dilakukan

.... (A) semasa daun mulai tua

.... (B) sebelum bunga kembang sepenuhnya

.... (C) sesudah bunga kembang sepenuhnya

.... (D) semasa bunga mulai terbuka

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

8. Yang mana di antara berikut sebaiknya diambil selepas hujan?

.... (A) gam

.... (B) kulit kayu

.... (C) daun

.... (D) bunga

9. Rizom halia layu (exhausted ginger) ditentukan dengan cara

.... (A) penentuan kadar abu

.... (B) peratus minimum abu larut air

.... (C) peratus minimum abu larut alkohol

.... (D) peratus maksimum abu larut alkohol

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

10. Yang mana dari berikut diperakukan oleh Farmakope British (B.P.) mempunyai kesan terapeutik?
- (i) Halia
  - (ii) Kulit kayu manis
  - (iii) Candu
- .... (A) Jika (i) dan (ii) adalah benar
- .... (B) Jika (ii) dan (iii) adalah benar
- .... (C) Jika (i) dan (iii) adalah benar
- .... (D) Jika (iii) adalah benar
- 
11. Yang mana di antara sediaan-sediaan berikut boleh digunakan untuk menapis uji drug antihistamin?
- (i) Sediaan terasing trakea argus.
  - (ii) Sediaan terasing ileum argus.
  - (iii) Sediaan terasing trakea tikus.
- .... (A) Jika (i) dan (ii) adalah benar
- .... (B) Jika (ii) dan (iii) adalah benar
- .... (C) Jika (i) adalah benar
- .... (D) Jika (iii) adalah benar